

TARIKH	29 / 5 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	7	RUANGAN	SETEMPAT

## Isu kuota haji Serah surat minggu ini

**G**EORGETOWN: Kerajaan akan menghantar surat secara serah tangan pada minggu ini kepada kerajaan Arab Saudi mengenai kedudukan dan harapan negara memastikan jumlah kuota haji jemaah Malaysia tahun ini tidak terjejas disebabkan perhimpunan haram di Makkah dan Madinah pada 26 April lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, surat itu akan dihantar sendiri Pengurus Besar Kanan (Haji) Tabung Haji, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman selepas ditandatangani bagi memperjelaskan kedudukan sebenar termasuk segala persiapan sudah siap dilakukan termasuk hotel, tiket penerbangan, makan sudah dibuat pembayaran secara penuh.

Menurutnya, pihaknya juga turut minta Kementerian Luar menghubungi Kementerian Luar Arab Saudi supaya tiada tindakan dikenakan terhadap Malaysia, malah meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menghubungi Raja Abdullah memberitahu persiapan jemaah haji Malaysia pada tahun ini sudah siap dilaksanakan sepenuhnya.